

01 APR 2000

Sanggang-Reaksi (Umno)

KEMENANGAN BN PETANDA UMNO DAN BN TETAP DITERIMA RAKYAT

TEMERLOH, 1 April (Bernama) -- Para pemimpin Umno malam ini menyifatkan kemenangan cemerlang Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Sanggang membuktikan petanda baik bahawa Umno dan BN tetap mendapat sambutan rakyat.

Mereka juga berpendapat kemenangan itu juga wajar dijadikan titik permulaan ke arah pemulihan Umno dan BN di Pahang.

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob menganggap kemenangan itu sebagai kemenangan kepada pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri Sanggang khususnya dan rakyat Pahang amnya.

Katanya, peningkatan majoriti yang diperolehi oleh BN kali ini menerusi calonnya Redzwan Harun iaitu 1,963 undi berbanding 1,038 sebelum ini menunjukkan rakyat bertambah yakin kepada kepimpinan BN.

"Kita tidak akan memperkecilkan kepercayaan yang telah diberikan rakyat ini. Ia menjadi satu suntikan semangat kepada kepimpinan BN negeri untuk memberikan khidmat berkesan kepada rakyat dan mempertahankan Pahang dari ditawan pembangkang dalam pilihan raya akan datang," katanya.

Adnan berkata kerajaan negeri akan meneruskan usaha-usaha membela rakyat terutama golongan berpendapatan rendah, kurang upaya, warga tua, anak-anak yatim dan ibu tunggal.

"Kita juga selepas ini akan memberikan tumpuan kepada masalah asas rakyat yang kita ketahui semasa berkempen," kata Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri.

Beliau turut merakamkan terima kasih kepada seluruh jentera BN yang bertungkus-lumus berkempen terutama Naib Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden Umno dan semua Pengerusi Perhubungan Umno dari seluruh negara.

Beliau juga menyatakan penghargaan kepada pemimpin parti komponen BN terdiri dari MCA, Gerakan, MIC dan PPP serta media yang membuat liputan perjalanan pilihan raya secara saksama dan seimbang.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak pula percaya kemenangan BN itu akan membawa kesan di peringkat nasional memandangkan ianya pilihan raya kecil pertama selepas pilihan raya umum 29 Nov lepas yang menimbulkan pelbagai andaian dan spekulasi tentang kedudukan Umno, BN dan kepimpinan negara.

"Marilah kita gunakan kejayaan di Sanggang ini untuk memulakan satu pemulihan dan kebangkitan semula kepada Umno dan BN agar terus merupakan wadah perjuangan kepada semua bangsa di Malaysia ini", kata Najib.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata pengundi di Sanggang telah memberikan satu pengajaran kepada penyokong-penyokong dari luar Pahang iaitu rakyat Pahang tidak menerima jenis kempen dan gangguan yang mereka lakukan, terutamanya serangan kepada hal-hal peribadi.

"Kemenangan ini baik untuk politik Pahang bagi menangkis dakwaan kononnya Pahang akan menjadi negeri yang berikutnya untuk dimasuki PAS," kata beliau.

Bagi pihak ibu pejabat Umno, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang menjalankan tugas dengan sempurna serta pengundi yang dapat membezakan antara kepentingan parti dan negeri daripada kepentingan peribadi.

Katanya, pemilihan Redzwan sebagai calon BN juga tepat memandangkan beliau merupakan calon yang mempunyai sifat kemenangan, rajin bekerja, jujur dan rendah diri.

Sementara itu, Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata rakyat sekali lagi menunjukkan sokongan mereka kepada BN di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika dihubungi malam ini, beliau berkata kemenangan BN di Sanggang

membuktikan bahawa BN mendapat sokongan padu daripada rakyat.

"Taktik kotor yang digunakan oleh pembangkang tidak diterima kerana rakyat sedar bahawa hanya BN dapat membantu mereka," kata beliau.

Samy Vellu mengucapkan terima kasih kepada pengundi kawasan Sanggang kerana memilih BN dan berkata BN akan terus memperjuangkan nasib rakyat.

Beliau juga berkata para pemimpin MIC tempatan akan memberi kerjasama dan sokongan kepada Redzwan dalam menunaikan tanggungjawabnya.

-- BERNAMA

ROS TM FAZ